

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 SEPTEMBER 2020
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6

Seragam maklumat golongan miskin

Kota Bharu: Penyeragaman maklumat golongan miskin yang memerlukan bantuan di negara ini, perlu dibuat agar tidak berlaku pertindihan serta mengelak keciciran daripada senarai mereka yang layak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata lima kumpulan utama iaitu Kerajaan Pusat, negeri, Majlis Agama Islam, badan bukan kerajaan (NGO) serta syarikat korporat memainkan peranan penting menangani situasi itu.

Justeru katanya, lima kumpulan terbabit perlu mempunyai penyelarasan serta mengelakkan berlaku pertindihan di antara penyedia bantuan untuk meringankan beban golongan miskin.

"Umpamanya Majlis Agama Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang mengutip zakat lebih RM900 juta setahun dan separuh daripada kutipan ini secara langsungnya digunakan untuk membantu golongan asnaf, begitu juga



Mustapa Mohamed

dengan NGO serta syarikat korporat yang mempunyai program membasmi kemiskinan masing-masing.

"Sekarang ini ada penyeragaman maklumat, tetapi tidak mantap dan kita akui yang pertamanya mungkin ada yang tertinggal, berdasarkan ulasan dan aduan yang diterima iaitu mereka yang layak menerima bantuan tetapi tidak dimasukkan ke dalam senarai eKasih.

"Sukar mendapatkan angka

yang tepat, tetapi apabila kita menerima banyak pandangan, kaedah kita mengutip maklumat perlu dilihat semula. Buat masa ini, kita membuat keputusan melihat secara lebih mendalam angka-angka ini menerusi Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) apabila menyampaikan Bantuan Sara Hidup (BSH)," katanya.

Beliau memberitahu sidang media selepas merasmikan Seminar Dapatan Kajian Pendapatan Garis Kemiskinan Wilayah Pantai Timur di sini, semalam.

Seminar anjuran Unit Perancang Ekonomi dengan kerjasama Empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan Jabatan Perangkaan itu, membabitkan 100 peserta dari Kelantan, Terengganu, Pahang dan Mersing, yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan, NGO dan institut pengajian tinggi (IPT).

Mengulas lanjut, Mustapa menegaskan yang kemiskinan adalah antara isu yang akan ditangani sebaik mungkin menerusi

Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan banyak pihak memberi pelbagai pandangan kewajaran bagi mengatasinya.

"Semua bangsa mengalami 'insiden' kemiskinan, termasuk kategori bandar dan luar bandar. Bagaimanapun, dalam konteks Kelantan, ia adalah yang kedua tertinggi di Malaysia dengan bilangan isi rumah kira-kira 40,000 dalam golongan miskin.

"Sudah pasti ia perlu diberikan perhatian, lebih-lebih lagi bagi negeri menghadapi isu ini termasuklah negeri di Pantai Timur, selain Sabah dan Sarawak.

"Selain itu, beberapa kumpulan lain termasuk Orang Asli di mana kadar kemiskinannya juga amat tinggi dan kerajaan perlu memberi perhatian khusus.

"Maka dalam RMK-12 nanti, antara penekanan akan diberikan kerajaan ialah merangka kaedah lebih berkesan untuk menangani kemiskinan bandar dan luar bandar di beberapa negeri serta kelompok masyarakat," katanya.